

**PANDUAN PERMOHONAN
PROGRAM SUBKEPAKARAN KEMASUKAN PADA
SESI 2022/2023**

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

A SYARAT UMUM

- 1.1 Merupakan Pegawai Perubatan Pakar lantikan tetap;
- 1.2 Berumur tidak melebihi 46 tahun pada tarikh tutup permohonan;
- 1.3 Mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi mana-mana tiga (3) tahun dari tempoh 5 tahun terkini tidak kurang daripada 85% (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun; tahun 2020, 2019, 2018, 2017, 2016);
Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian hanya diberikan kepada Pegawai Wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2014.
- 1.4 Bebas daripada pertuduhan dan/atau tindakan tatatertib;
- 1.5 Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi **peringkat kursus yang sama**;
- 1.6 **Tidak pernah gagal atau menarik diri** daripada sebarang kursus Tajaan Kerajaan Malaysia;
- 1.7 Tidak pernah menolak tawaran Program Subkepakaran yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia dalam **tempoh dua (2) tahun** yang lepas;
- 1.8 Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek/panjang yang terdahulu dengan jayanya dari tarikh tutup iklan seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- 1.9 Bebas daripada penyakit yang boleh menjaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Lampiran E, senarai Akta Perubatan 1971 termasuk penyakit berjangkit bawaan darah seperti HIV/AIDS dan sebagainya.

B SYARAT KHUSUS

- 1.10 Mempunyai kelulusan kepakaran yang diktiraf seperti Program Sarjana Perubatan daripada universiti tempatan atau setaraf seperti MRCP, MROCG;
- 1.11 Telah diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar bagi calon Program Perubatan;
- 1.12 Telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan Kesihatan Awam serta telah berdaftar dalam National Specialist Registry (NSR) bagi calon Program Kesihatan Awam;
- 1.13 Mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman 24 bulan daripada tarikh diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar sehingga **30 Jun 2021**.
- 1.14 Merit akan diberikan kepada calon yang pernah bertugas di kawasan pendalaman atau kurang popular;
- 1.15 Terdapat kekosongan tempat latihan bagi bidang subkepakaran yang dipohon;
- 1.16 Laporan daripada Ketua Jabatan / Pengarah Hospital berkaitan kesesuaian calon untuk mengikuti program tersebut dari segi pengalaman, sikap dan minat.

1.1 SYARAT-SYARAT KHUSUS TAMBAHAN PERMOHONAN BIDANG SUBKEPAKARAN PERUBATAN KELUARGA DAN KESIHATAN AWAM

Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

A. Calon Program Kesihatan Awam

- i. Telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan Kesihatan Awam.
- ii. Telah berdaftar dalam *National Specialist Registry* (NSR);
- iii. Telah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang Perubatan Kesihatan Awam selepas pewartaan
- iv. Di beri keutamaan kepada pakar yang sedang menjalankan program berkaitan di peringkat daerah / negeri masing-masing.
- v. Mempunyai minat mendalam dalam bidang yang dipohon.

B. Calon Program Kepakaran Perubatan Keluarga

- i. Telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan Keluarga
- ii. Telah berdaftar dalam *National Specialist Registry* (NSR);
- iii. Telah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman kerja selepas pewartaan
- iv. Di beri keutamaan kepada pakar yang sedang menjalankan program berkaitan di peringkat daerah / negeri masing-masing.
- v. Mempunyai minat mendalam dalam bidang yang dipohon.

2.0 SENARAI BIDANG PROGRAM SUBKEPAKARAN

Senarai bidang yang ditawarkan adalah seperti di borang permohonan KKM/HLP Program Subkepakaran 2021

3.0 KAEDAH LATIHAN

Program Subkepakaran ini dilaksanakan menerusi tiga (3) kaedah iaitu:-

3.1 Kombinasi Dalam dan Luar Negara

- 3.1.1 Program ini dijalankan di bawah seliaan Pakar Perunding selama 2 hingga 3 tahun di dalam negara diikuti dengan pendedahan

tambahan di luar negara dalam bidang berkaitan selama satu (1) tahun.

- 3.1.2 Sepanjang tempoh latihan dalam negara selama 2 atau 3 tahun (mengikut bidang), Pegawai Perubatan Pakar adalah dikira sedang berkursus dengan diberi kemudahan separa biasiswa/tanpa biasiswa manakala sepanjang tempoh latihan di luar negara selama satu (1) tahun pegawai dengan tajaan HLP akan diberi kemudahan sembilan (9) bulan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan tiga (3) bulan CBBP tanpa HLP.

3.2 Sepenuhnya dalam negara

- 3.2.1 Program latihan dikendalikan bagi tempoh 3 atau 4 tahun secara sepenuh masa dalam negara sahaja. Pegawai akan mengikuti latihan di hospital KKM, hospital universiti atau pusat latihan yang telah dikenalpasti. Sepanjang tempoh ini, Pegawai Perubatan Pakar adalah dikira sedang berkursus dengan diberi kemudahan Separa Biasiswa/Tanpa HLP

3.3 Sepenuhnya di luar negara (*Area Of Interest*)

- 3.3.1 Program latihan ini dikendalikan bagi tempoh 12 bulan secara sepenuh masa di luar negara sahaja. Sepanjang tempoh latihan di luar negara selama satu (1) tahun pegawai dengan tajaan HLP akan diberi kemudahan sembilan (9) bulan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan tiga (3) bulan CBBP tanpa HLP.

Nota:

Tempoh latihan 4 tahun bagi bidang Cardiology, Urology, Cardiotharacic Surgery dan Gastroenterology.

4.0 TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut :
- 4.1.1 Dua (2) salinan Borang Permohonan Program Subkepakaran yang telah dilengkapkan;
 - 4.1.2 Dua (2) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan disahkan;
 - 4.1.3 Dua (2) salinan Sijil Pewartaan sebagai Pakar Perubatan;
 - 4.1.4 Dua (2) salinan Laporan Referee (2 orang) - Borang R;
 - 4.1.5 Dua (2) salinan surat pengesahan (*Covering letter*) daripada Pengarah Hospital/ Pegawai Kesihatan Daerah berkaitan kesesuaian pegawai dari segi pengalaman, sikap dan minat.
 - 4.1.6 Dua (2) salinan Borang Perakuan Pengarah Hospital/Pegawai Kesihatan Daerah (Lampiran A)
 - 4.1.7 Satu salinan pengesahan pengisyiharan harta pegawai yang disahkan.
 - 4.1.8 Dokumen yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut ;-
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Menara Prisma
No 26 Persiaran Perdana, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p : Urusetia Program Subkepakaran)**
- 4.1.9 Borang permohonan boleh didapati dilaman sesawang berikut :-
Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>)
 - 4.1.10 Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Ogos 2021**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

5.0 SYARAT-SYARAT TAWARAN

Tawaran program Subkepakaran dengan kemudahan dengan HLP/ tanpa HLP adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 5.1 Hanya Pegawai Perubatan Pakar yang **layak tapisan KKM** untuk kemudahan ini sahaja akan dipertimbangkan untuk mengikuti Program Subkepakaran;
- 5.2 KKM berhak menentukan kaedah pelaksanaan latihan bagi Pegawai Perubatan Pakar yang mengikuti latihan Subkepakaran dan juga penempatan latihan semasa di dalam negara dan selepas tamat latihan;
- 5.3 Surat tawaran hanya dikeluarkan kepada Pegawai Perubatan Pakar yang berjaya sahaja oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) melalui Ketua Jabatan masing-masing (Pengarah Kesihatan Negeri / Hospital / Institusi / Bahagian). Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti program Subkepakaran ini ; dan
- 5.4 Pegawai yang menolak tawaran ini akan dikenakan penalti dua (2) tahun iaitu tidak boleh memohon kemasukan bagi Program Subkepakaran dalam tempoh berkenaan;
- 5.5 Setiap calon yang terpilih hendaklah :-
 - 5.5.1 Mengikuti perancangan latihan yang telah diaturkan;
 - 5.5.2 Melapor diri kepada Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan
 - 5.5.3 Mematuhi cadangan penempatan yang ditetapkan setelah tamat latihan demi kepentingan perkhidmatan;
 - 5.5.4 Memastikan laporan penilaian disediakan oleh Penyelia diakhir tempoh menjalani latihan di setiap pusat latihan yang ditetapkan samada di dalam atau di luar negara.
- 5.6 Pegawai yang tamat latihan Program Subkepakaran mestilah melapor diri terlebih dahulu di Bahagian Pengurusan Latihan. Bagi Program Perubatan, pegawai akan diberi Sijil Tamat Latihan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan setelah mendapat pengesahan tamat latihan dengan jayanya oleh Jawatankuasa Subkepakaran bidang masing-masing.

- 5.7 Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

6.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 6.1 Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 6.2 Ketua Jabatan diminta untuk membuat semakan perancangan yang teliti dan **hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan** pada tahun 2022 kelak.
- 6.3 Bahagian Pengurusan Latihan berhak **menolak permohonan** yang didapati tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas.

7.0 PERINGATAN PENTING KEPADA PEGAWAI

- 7.1 Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Ogos 2021**. BPL **tidak akan memproses permohonan yang lewat** diterima selepas tarikh tersebut.
- 7.2 Pegawai hendaklah memohon dengan memuat turun borang permohonan menerusi laman web rasmi BPL iaitu <http://ehlp.moh.gov.my>.
- 7.3 Sila ambil maklum bahawa pegawai adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** yang dinyatakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 7.4 Pegawai perlu maklumkan kepada Urusetia Subkepakaran di BPL dan BPP jika berlaku pertukaran tempat bertugas setelah tarikh tutup iklan sekiranya berkaitan.

- 7.5 Bagi tarikh permohonan pewartaan, mohon lampirkan salinan sekiranya tarikh pewartaan masih belum disahkan.
- 7.6 Tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini adalah seperti berikut:

Tarikh	Keterangan
01 Ogos 2021	Iklan di buka
30 Ogos 2021	Tarikh tutup permohonan
April 2022 (tertakluk kepada perubahan)	Keputusan

LAMPIRAN E

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- i. Kanser;
- ii. Serangan jantung;
- iii. *Pulmonary Hypertension*;
- iv. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- v. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- vi. Hepatitis;
- vii. Kcederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- viii. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- ix. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- x. Pemindahan organ utama;
- xi. Penyakit Parkinson;
- xii. Penyakit HIV atau AIDS atau kedua-duanya;
- xiii. Pemindahan kaki dan tangan;
- xiv. Skizofrenia;
- xv. Kcederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- xvi. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.